

Tiga sekawan disamun, seorang jadi mangsa rogol

KOSMO 5/11/02 M/S 6

Oleh **NUZULSHAM SHAMSUDDIN**

berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Tiga sekawan terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita berusia antara 20 hingga 25 tahun yang sedang berbingcang sesuatu, disamun sekumpulan empat lelaki di Bukit Permai, Ampang dekat sini pukul 5 pagi kelmarin.

Lebih tragis, salah seorang mereka iaitu wanita terbabit turut dilarikan dan dirogol oleh kumpulan suspek tersebut selain kereta jenis Honda City turut di rompak.

Jurucakap polis memberitahu, tiba-tiba datang sebuah kereta Proton Wira yang dinaiki empat lelaki lingkungan lewat 20-an berhenti berhampiran kereta tiga sekawan itu.

“Dua daripada kumpulan suspek kemudian keluar dari kereta lalu menyerang tiga sekawan terbabit, dan salah seorang mereka telah mengacukan sebilah parang,” kata jurucakap polis itu semalam.



AMIRUDDIN

Ekoran takut dengan tindakan suspek, ketiga-tiga mangsa terpaksa membiarkan telefon bimbit milik mereka diambil.

Salah seorang suspek kemudian

bertindak menarik mangsa wanita masuk ke dalam kereta Honda City milik mangsa.

“Wanita itu telah diheret ke dalam kereta tersebut dan telah dibawa lari hingga ke sebuah flat di Seri Kembangan dan merogolnya sebelum melarikan kereta tersebut,” kata jurucakap polis itu lagi.

Tambah jurucakap polis itu, wanita tersebut kemudian membuat laporan di balai polis berdekatan selepas kejadian, manakala rakannya yang ditetak membuat laporan di Balai Polis Pandan Indah.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Supritendan Amiruddin Jamaluddin yang mengesahkan kejadian memberitahu, polis masih memburu keempat-empat suspek.

“Polis meminta saksi yang nampak kejadian, menghubungi balai polis berdekatan. Kita percaya mungkin ada orang yang nampak semasa kejadian itu berlaku,” katanya ketika dihubungi semalam.